

| | | | |
|-------------|--------------------------------------|------------|--------------|
| Headline | SLIM atasi graduan sukar dapat kerja | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 24 Feb 2017 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Nasional | Page No | 8 |
| ArticleSize | 517 cm ² | Journalist | Haryani Ngah |
| PR Value | RM 53,259 | | |



SL1M atasi graduan sukar dapat kerja

→ Peluang ceburi kerjaya berbeza dengan kelulusan akademik

Oleh Haryani Ngah

aryani@bh.com.my

* Kuala Lumpur

Tiada pengalaman kerja antara faktor utama ramai graduan gagal mendapatkan pekerjaan walaupun sudah banyak kali memohon, sama ada secara dalam talian atau menghadiri temu duga terbuka.

Masalah itu dapat diatasi sekiranya mereka menghadiri Program Temu Duga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) kelolaan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang disokong syarikat berkaitan kerajaan

(GLC) dan swasta.

Mohammad Nor Ariffin Yusoff, 24, berdepan masalah itu sejurus menamatkan pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) apabila majikan hanya mahu pemohon ada pengalaman kerja dua hingga lima tahun.

"Selama tujuh bulan saya cari kerja, namun gagal. Jadi, saya bantu bapa yang bekerja sebagai tukang kayu, membaiki rumah dan memasang paip di kampung, se-

lain secara separuh masa dengan syarikat katering," kata anak ketiga daripada lapan beradik ini.

Katanya, beliau sanggup ke mana sahaja dalam usaha mencari kerja dan keputusan menghadiri Program Temu Duga Terbuka SL1M Peringkat Zon Tengah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini akhirnya membawa hasil.

"Saya menunggang motosikal dua jam dari Sabak Bernam dan sangat bersyukur diterima sebagai pelatih SL1M untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB)," katanya.

Cabarannya pertama berhasil

Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Kuasa dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), P Vignes bagaimanapun lebih bernasib baik kerana terus berjaya menjadi pelatih di TNB pada cubaan pertama menghadiri temu duga SL1M.

"Tak sangka cubaan pertama menghadiri temu duga ini berjaya. Tanpa SL1M, mungkin saya pun sukar dapat kerja. Saya sangat berterima kasih kepada pengajar," katanya yang datang dari Sungai

Petani, Kedah.

Graduan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Mohamad Azlan Abdul Rahman juga tidak menyangka terus ditawarkan latihan bersama Malaysia Airlines Berhad (MAB), iaitu syarikat pertama dipilihnya untuk ditemuduga pada program berkenaan.

"Saya graduan Sarjana Muda Sains Pemakanan, namun diberi peluang menjalani latihan SL1M sebagai perunding khidmat pelanggan MAB. Menerusi SL1M, kita berpeluang menceburi bidang berbeza dengan kelulusan," katanya.

Sementara itu, Aishah Ibrahim juga gembira diterima menjalani latihan dengan MAB sebagai perunding khidmat pelanggan walaupun kelayakan akademik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam seni reka grafik.

"Saya ada pengalaman bekerja dalam pengurusan acara dan ia sesuai dengan jawatan di MAB. Kelulusan dalam seni reka grafik akan menjadi nilai tambahan untuk kerjaya saya," katanya yang menamatkan pengajian di UiTM pada 2013.

| | | | |
|-------------|--------------------------------------|------------|--------------|
| Headline | SLIM atasi graduan sukar dapat kerja | | |
| MediaTitle | Berita Harian | Language | Malay |
| Date | 24 Feb 2017 | Readership | 947,000 |
| Circulation | 125,514 | Page No | 8 |
| Section | Nasional | Journalist | Haryani Ngah |
| ArticleSize | 517 cm ² | | |
| PR Value | RM 53,259 | | |

Reaksi

Program Temu Duga Terbuka SL1M



Tak sangka cubaan pertama menghadiri temu duga ini berjaya. Tanpa SL1M, mungkin saya pun sukar dapat kerja. Saya sangat berterima kasih kepada pengajur”

P Vignes,
Graduan UNITEN



Saya ada pengalaman bekerja dalam pengurusan acara dan ia sesuai dengan jawatan di MAB. Kelulusan dalam seni reka grafik akan menjadi nilai tambahan untuk kerjaya saya”

Aishah Ibrahim ,
Graduan UTN



Saya menunggang motosikal dua jam dari Sabak Bernam dan sangat bersyukur diterima sebagai pelatih SL1M untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB)”

Mohammad Nor Ariffin Yusoff,
Graduan UTM



Orang ramai yang hadir pada Program Temu Duga Terbuka SL1M Peringkat Zon Tengah 2017 di PWTC.